

**MAJLIS PERASMIAN PERKHIDMATAN SET TERBAHARU MYKOMUTER
08/03/2012**

Assalamualaikum waramatulahi wabarakatuh.
Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Seri Kong Cho Ha, Menteri Pengangkutan Malaysia,

Yang Berhormat, Senator Dato' Sri Idris Jala, Menteri di Jabatan Perdana Menteri,

Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Syed Hamid Syed Jaafar Albar, Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat,

Yang Berhormat Dato' Sri Ir Mohd Zin bin Mohamed, Pengerusi Keretapi Tanah Melayu Berhad,

HE Ambassador Chai Xi, Ambassador of the People's Republic of China to Malaysia.

1. Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnianya jua dapat kita bersama-sama di majlis yang bersejarah ini. Di kesempatan ini, saya mewakili YAB Perdana Menteri, mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat khususnya kepada Kementerian Pengangkutan, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat, dan Keretapi Tanah Melayu Bhd. di atas usaha dan komitmen yang telah mencapai hasilnya pada majlis hari ini.

2. Sehubungan itu, hari ini kita berkumpul, untuk sama-sama menyaksikan satu lagi kejayaan Negara dalam merealisasikan pelan transformasi pengangkutan awam. Pada April 2009, Kerajaan telah memperkenalkan Program Transformasi Kerajaan (GTP) bagi mencapai misi nasional Wawasan 2020, iaitu Malaysia mencapai status negara maju berpendapatan tinggi.

3. Seiringan dengan itu, demi mencapai matlamat ini, Kerajaan Barisan Nasional telah melancarkan Program Transformasi Kerajaan (GTP) di mana 7 Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) telah diperkenalkan untuk memacu inisiatif-inisiatif dan komitmen kerajaan berpaksikan prinsip "1 Malaysia Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan".

4. Pada hari ini, Kerajaan Barisan Nasional sekali lagi telah mengotakan janji kepada rakyat Malaysia dalam menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam yang murah, cekap, efisien dan mudah akses di Lembah Kelang. Inisiatif ini tidak akan terhenti di sini sahaja, malah Kerajaan Barisan Nasional akan terus memperluaskan lagi kemudahan pengangkutan awam ke seluruh Negara khususnya bagi kemudahan, penyelesaian dan kesejahteraan rakyat.

5. Usaha berterusan pihak Kementerian Pengangkutan terutamanya Unit NKRA, dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam di negara ini, khususnya perkhidmatan rel, mencerminkan keprihatinan berterusan Kerajaan Barisan Nasional terhadap kepentingan pengangkutan awam negara. Komitmen kepada rakyat ini, dapat direalisasikan melalui perolehan tambahan 39 set tren MyKomuter yang akan mula beroperasi secara berperingkat mulai hari ini.

6. Kita sedia maklum, penggunaan perkhidmatan KTM Komuter pada waktu puncak

sekarang mencapai 1.4 kali had kapasiti penumpang. Sebagai contoh, setiap koc KTM Komuter sedia ada hanya boleh menampung 150 penumpang, tetapi kini terpaksa membawa sekitar 200 penumpang pada waktu puncak.

7. Ini menyebabkan ketidakselesaan kepada penumpang, dan turut membawa kepada beberapa masalah lain antaranya penyelenggaraan, kelewatan dalam jadual perkhidmatan dan pembatalan perkhidmatan. Akibatnya, pengguna memilih kenderaan persendirian sebagai mod pengangkutan untuk tugas harian mereka terutamanya pada waktu puncak 7 hingga 9 pagi.

8. Bagi menangani masalah kapasiti yang saya sebut sebentar tadi, Kerajaan Barisan Nasional telah melabur hampir RM1.9 Billion untuk memperolehi 38 set tren MyKomuter tersebut bagi kemudahan rakyat Malaysia yang mana penerimaannya adalah secara berperingkat-peringkat sehingga Jun 2012.

Para hadirin yang dihormati,

9. Jika kita imbas kembali sejarah sistem perkhidmatan rel di negara ini, perkhidmatan rel telah bermula semasa pemerintahan kerajaan British lagi. Pengangkutan rel memainkan peranan penting dalam kemajuan dan pembangunan ekonomi Tanah Melayu pada ketika itu. Hasil-hasil pertanian, perlombongan dan lain-lain barang dagangan ketika itu menggunakan perkhidmatan rel untuk menghantar barangan ke kawasan-kawasan pelabuhan dan bandar-bandar utama di seluruh negara.

10. Pada hari ini, kita menyaksikan sendiri bahawa perkhidmatan rel di negara ini telah melalui era baru dimana perkhidmatannya bukan sahaja tertumpu kepada pengangkutan kargo yang menjimatkan kos dan selamat, malahan menjadi pilihan rakyat sebagai mod pengangkutan awam yang utama khususnya di Lembah Kelang.

11. Pelancaran set terbaharu MyKomuter ini merupakan salah satu usaha terbesar Kerajaan di bawah NKRA iaitu Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Negara (Urban Public Transport – UPT). Melalui NKRA-UPT, Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam di Lembah Klang pada waktu puncak kepada 25% atau 600,000 penumpang (ridership) pada tahun 2012.

12. Dengan pelancaran 38 set tren MyKomuter ini, Kerajaan yakin, lebih ramai warga Lembah Klang akan menggunakan pengangkutan awam pada waktu puncak, dan seterusnya mencapai sasaran 25% penggunaan pengangkutan awam. Disamping itu, Kerajaan turut yakin bahawa kemudahan ini akan membantu meningkatkan lagi produktiviti warga kerja di Lembah Klang, yang seterusnya memberi kesan positif kepada ekonomi negara.

Hadirian sekalian,

13. Tren MyKomuter baharu yang diimport sepenuhnya dari Negara China ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuk untuk Orang Kelainan Upaya (OKU). Keupayaannya adalah setanding dengan tren-tren yang dihasilkan oleh negara-negara maju yang lain dan direka bentuk mengikut keperluan negara ini.

14. Sehingga hari ini, Kerajaan Malaysia telahpun menerima 16 set tren MyKomuter dimana 4 daripadanya telah menjalani ujian keselamatan yang amat ketat di bawah kawal selia dan

pemantauan Kementerian Pengangkutan, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Baki 12 set tren yang telah diterima sedang menjalani Pengujian & Pentaulihan atau Testing & Commissioning.

15. Saya juga difahamkan bahawa tren-tren ini telah pun melepasi tahap piawaian yang ketat oleh agensi pentaulihan antarabangsa iaitu TUV (Technical Inspection Association).

16. Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan matlamat mentransformasikan pengangkutan awam negara.

17. Kerajaan Barisan Nasional dalam melaksanakan inisiatif di bawah NKRA ini akan sentiasa memastikan segala perancangan, pembangunan dan perolehan dilakukan secara teliti, telus, berhemah serta memberikan impak secara maksimum kepada rakyat. Kerajaan turut bertekad akan terus membangunkan infrastruktur sektor pengangkutan awam.

18. Saya juga memohon supaya orang ramai agar bersabar kerana semasa pembangunan infrastruktur bagi meningkatkan kualiti pengangkutan awam, orang ramai sudah pasti akan menghadapi pelbagai kesukaran, namun apabila pembangunan infrastruktur ini siap sepenuhnya, rakyat akan dapat menikmati keselesaan dan kualiti hidup yang lebih baik.

19. Melalui sokongan padu rakyat kepada Kerajaan, saya yakin hasrat 1 Malaysia dan visi kerajaan bagi mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020 akan tercapai, Insya Allah.

20. Saya telah dimaklumkan sebagai galakan kepada pelbagai lapisan rakyat untuk menggunakan perkhidmatan MyKomuter, pihak KTMB akan mengedarkan 100,000 kupon percuma bernilai RM2 setiap satu. Kupon ini boleh digunakan bagi perkhidmatan MyKomuter untuk tempoh 6 bulan bermula hari ini.

21. Selain itu, pihak KTMB turut memberikan diskaun sebanyak 50% bagi pembelian tiket mingguan dan perjalanan percuma bagi pelajar sekolah yang beruniform, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan juga warga emas yang berumur 60 tahun dan ke atas. Pemberian diskaun dan perjalanan percuma ini juga adalah untuk tempoh 6 bulan bermula dari hari ini.

Hadirian sekalian,

22. Sekali lagi ucapan syabas kepada semua pihak yang telah merealisasikan pencapaian pada hari ini, dan saya berharap kerjasama yang jitu ini akan berterusan bagi membantu menjayakan agenda pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

23. Akhir sekali dengan lafaz Bismillah, saya dengan sukacitanya merasmikan perkhidmatan set terbaharu MyKomuter ini.

Sekian, terima kasih. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh